



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

07 Zulkaedah 1443 / 07 Jun 2022

1. Semalam, Isnin, 06 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 06 Jun 2022, sebanyak 111 dos pertama dan 1,063 dos kedua telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 82.6% dan 58.8% bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah sebanyak 71.2%.
  
2. Hari ini, Selasa, 07 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 07 Jun 2022, sebanyak **380 kes baru** telah dilaporkan iaitu 377 kes hasil ujian ART dan 3 kes adalah hasil dari 361 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **151,161** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
  - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala **2 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sebanyak **99 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **148,384 kes**.
  - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,554 kes** iaitu 8 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,546 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di dalam keadaan yang selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Zulkaedah 1443H / 07 Jun 2022